

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP  
[ MERBOK ]**

**TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

Puan Nor Azrina Binti Surip [ Merbok ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengenal pasti pemilik Pusat Jagaan Warga Emas yang berlesen atau tanpa lesen mendaftarkan penghuni mereka untuk vaksin.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengemukakan sebanyak 389 buah Pusat Jagaan Warga Emas Berdaftar kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tujuan vaksinasi di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Fasa Kedua bagi golongan berisiko.

Mengikut statistik sehingga Ogos 2021, sebanyak 310 buah Pusat Jagaan Warga Emas telah menerima vaksinasi yang melibatkan 6,772 orang penghuni dan 2,321 orang kakitangan pusat jagaan tersebut.

Berdasarkan rekod daripada MOSTI sehingga 9 September 2021, sebanyak 3,307,761 warga emas yang telah mendaftar untuk menerima

vaksin. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,290,257 telah menerima dos pertama dan seramai 3,000,992 telah menerima dos kedua.

Antara langkah-langkah yang diambil bagi memastikan pusat jagaan warga emas menerima Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi penghuni dan penjaga di premis mereka adalah melalui advokasi dan nasihat yang diberikan oleh Pegawai Diberi Kuasa semasa mereka melakukan pemeriksaan dan pemantauan ke pusat jagaan tersebut terutama semasa pemantauan pematuhan SOP Pencegahan Penularan COVID-19. Selain daripada itu, jaringan kerjasama antara badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat turut dilakukan bagi mengesan pusat jagaan warga emas yang tidak berdaftar untuk menyertai PICK.

Kementerian juga turut bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan MOSTI dalam pelaksanaan COVID-19 *Mobile Vaccination Unit* iaitu PPV yang menggunakan konsep unit bergerak atau *mobile team* bagi memastikan sasaran imuniti kelompok tercapai. *Mobile team* ini mengesan kumpulan sasar Kementerian seperti Orang Kurang Upaya dan warga emas yang tidak mempunyai akses untuk hadir secara fizikal ke PPV.

Kementerian melalui JKM akan terus memberikan komitmen yang padu dan jitu dalam memastikan kesejahteraan penghuni di Pusat Jagaan Warga Emas terpelihara dan menggesa agar semua pusat jagaan yang masih belum berdaftar, untuk tampil berdaftar dengan JKM bagi memastikan kesihatan, kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan penghuni terjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK ROZMAN BIN ISLI**  
**[LABUAN]**  
**TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Datuk Rozman Bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah keseluruhan perbelanjaan Kerajaan bagi menangani pandemik COVID-19 dan sumber kewangan yang digunakan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, negara telah berhadapan dengan ancaman penularan wabak COVID-19 semenjak awal tahun 2020 yang telah melemahkan sektor kesihatan dan pertumbuhan ekonomi. Justeru, Kerajaan telah memberikan penumpuan dan keutamaan dalam mengimbangi kepentingan kesihatan, kehidupan dan sosioekonomi rakyat dengan menyediakan pelbagai bantuan kepada golongan yang terjejas serta menyokong kelangsungan perniagaan bagi merangsang semula pertumbuhan ekonomi negara.

Selain daripada perbelanjaan mengurus (atau OE) dan perbelanjaan pembangunan (atau DE), Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan tambahan sebanyak 70 bilion ringgit bagi menangani krisis ini. Sumber peruntukan berkenaan adalah melalui Kumpulan Wang COVID-19 (atau KWC-19) yang telah diluluskan oleh Parlimen sebanyak 65 bilion ringgit dan Kumpulan Wang Amanah Negara (atau KWAN) sebanyak 5 bilion ringgit yang diluluskan melalui Ordinan Darurat.

Melalui peruntukan sebanyak 70 bilion ringgit ini, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program yang menumpu kepada usaha memperkuatkkan sistem kesihatan, memelihara kebijakan rakyat serta menyokong kelangsungan perniagaan.

Secara lebih terperinci, sebanyak **RM10 bilion disediakan bagi menyokong Sektor Kesihatan** yang merangkumi:

- Pertamanya, 5.8 bilion ringgit bagi pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, termasuk kos perolehan vaksin sebanyak RM3.9 bilion dan RM1.9 bilion bagi kos pelaksanaan program berkenaan; dan
- Kedua, 4.2 bilion ringgit bagi menampung keperluan perbelanjaan usaha-usaha mengekang penularan wabak COVID-19, termasuklah bekalan pakai habis seperti dengan izin, *reagen*,

*consumables, personal protective equipment*, ubat-ubatan, aset perubatan dan pengoperasian pusat kuarantin.

Kerajaan juga menyediakan peruntukan sebanyak **33 bilion ringgit bagi membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat** melalui:

- Pertama, Bantuan Prihatin Nasional dengan peruntukan sebanyak 18.2 bilion ringgit bantuan tunai yang memanfaatkan 10.6 juta penerima dari golongan B40 dan M40;
- Kedua, menambahbaik Program Bantuan Sara Hidup kepada Bantuan Prihatin Rakyat dengan peruntukan sebanyak 9.1 bilion ringgit bantuan tunai yang memanfaatkan 8.4 juta penerima;
- Ketiga, mengurangkan beban kewangan rakyat akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dengan menyediakan Bantuan Khas COVID-19 yang memanfaatkan lebih 11 juta isi rumah dan individu warga emas serta bujang golongan B40 dan M40, dengan peruntukan sebanyak 4.6 bilion ringgit bantuan tunai;
- Keempat, menyediakan bantuan e-Tunai melalui program e-PENJANA dan e-BELIA dengan kos keseluruhan pelaksanaan program sebanyak RM800 juta yang memanfaatkan 2 juta belia; dan
- Kelima, melaksanakan program bakul makanan secara *cashless* melalui program Prihatin Kasih yang memberi kemudahan kepada golongan miskin tegar atau miskin di bandar untuk membeli keperluan barang asas secara *cashless* dengan had perbelanjaan sebanyak 100 ringgit selama tiga bulan dengan keseluruhan peruntukan sebanyak 100 juta ringgit. Program bakul makanan juga telah diperluaskan ke seluruh Kawasan Parlimen dengan peruntukan sebanyak 300,000 ringgit bagi setiap Kawasan Parlimen seluruh Malaysia.

Kerajaan sentiasa peka kepada keperluan dan kegusaran golongan perniaga, terutamanya golongan peniaga kecil, penjaja serta PKS Mikro. Justeru, peruntukan **sebanyak 27 bilion ringgit diperuntukkan untuk menyokong kelangsungan perniagaan**, antaranya untuk:

- Pertama, melindungi pekerjaan melalui Program Subsidi Upah dengan implikasi kewangan sebanyak 20 bilion ringgit yang memanfaatkan lebih 2.4 juta pekerja atau lebih 300,000 majikan;
- Kedua, membantu meringankan bebanan kewangan syarikat PKS mikro melalui pemberian Geran Khas Prihatin kepada 1 juta pengusaha PKS Mikro dengan peruntukan sebanyak 3.6 bilion ringgit;
- Ketiga, menyediakan bantuan kewangan melalui kemudahan pinjaman kredit mikro sebanyak 2 bilion ringgit bagi membantu perniagaan yang terjejas untuk menampung keperluan operasi dan modal perniagaan yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan; dan
- Keempat, pelbagai bantuan lain yang membantu PKS dan PKS mikro untuk menyokong agenda digitalisasi perniagaan, meningkatkan kemahiran dan membantu mereka memasarkan produk mereka ke pasaran yang lebih luas.

Sehingga 31 Ogos 2021, Kerajaan telah membelanjakan lebih daripada 62 bilion ringgit di bawah KWC-19 dan KWAN. Berdasarkan keperluan semasa, Kerajaan juga bercadang untuk membentangkan peningkatan siling KWC-19 dari 65 bilion ringgit kepada 110 bilion ringgit pada sesi persidangan Parlimen dalam tempoh yang terdekat.

Justeru, bagi menyokong usaha membendung penularan wabak COVID-19 serta mengimbangi kepentingan nyawa dan kehidupan rakyat adalah penting untuk kita semua sebagai sebuah KELUARGA MALAYSIA menyokong segala usaha Kerajaan dalam memastikan keperluan kewangan untuk menampung keperluan perbelanjaan, terutamanya usaha Kerajaan untuk meningkatkan siling KWC-19 serta menggunakan dana KWAN, disokong sepenuhnya bagi menjamin kesejahteraan dan kelangsungan hidup kita dan generasi masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING**  
**[TELUK INTAN]**  
**TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Nga Kor Ming [ Teluk Intan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci apa sebab projek lintaran komunikasi 5G bernilai RM11.5 bilion diberi kepada Syarikat Ericson serta harga tender syarikat komunikasi yang lain sebagai bandingan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan terdapat beberapa soalan yang berkaitan dengan pelaksanaan 5G dan Digital Nasional Berhad (DNB), izinkan saya menjawab soalan YB Ledang bersekali dengan soalan no. 26 daripada YB Kepong bertarikh 22 September 2021 serta soalan no. 73 daripada YB Teluk Intan bertarikh 30 September 2021.

Tuan Yang di-Pertua,

**Kerajaan tidak terlibat dalam proses pemberian kontrak 5G bernilai RM11 bilion.** Sebagai sebuah entiti undang-undang yang berasingan, proses tender rangkaian 5G telah dilaksanakan di peringkat syarikat. Dalam hal ini, Digital Nasional Berhad (DNB) telah mengambil langkah untuk melaksanakan amalan tadbir urus perolehan terbaik dan menjamin ketelusan dalam penilaian, cadangan serta proses keseluruhan tender.

Proses Tender 5G telah bermula pada April tahun ini dengan **empat belas (14) buah syarikat pembekal perkakasan rangkaian (“Network Equipment Provider” atau NEP) global telah dikenalpasti** melalui tinjauan pasaran. Daripada senarai tersebut, **lapan (8) buah NEP telah dijemput untuk mengemukakan Pelawaan Tunjuk Minat (“Expression of Interest” atau EOI)** berdasarkan dua (2) kriteria, iaitu:

1. Pengalaman melaksanakan rangkaian 5G yang telah terbukti; dan
2. *Local presence* dengan izin atau mempunyai operasi di Malaysia.

Daripada lapan (8) buah NEP yang dijemput untuk mengambil bahagian dalam Pelawaan Tawaran (“Request for Proposal” atau RFP), **hanya empat (4) buah NEP yang telah mengemukakan tawaran.**

**Proses penilaian tender** telah dilaksanakan pada Mei dan Jun 2021 berdasarkan nasihat daripada firma perunding antarabangsa Ernst &

Young Consulting Sdn Bhd melibatkan lebih daripada 50 para profesional industri dan pakar bebas daripada lebih 10 buah negara.

Tuan Yang di-Pertua,

**Tiga kriteria** iaitu **teknikal (55%)**, **komersial (30%)** dan **sosio-ekonomi (15%)** telah ditetapkan untuk menentukan pembida yang berjaya. **Ericsson telah mendapat penilaian tertinggi bagi ketiga-tiga kriteria tersebut.**

Dari segi **teknikal**, Ericsson telah mencadangkan rangkaian yang kalis masa depan (“*future-proof*”) dan mampan, dengan fungsi-fungsi siber keselamatan yang jitu untuk memenuhi objektif DNB mencapai liputan 80% kawasan berpopulasi pada tahun 2024.

Dari segi **komersial**, Ericsson telah menawarkan harga paling kompetitif manakala dari segi **sosio-ekonomi**, Ericsson telah memberi komitmen kepada program pembangunan sosio-ekonomi paling berimpak, termasuk penggunaan vendor tempatan dan Bumiputera.

Perancangan, pembinaan dan penyelenggaraan rangkaian 5G nasional dengan penglibatan Ericsson sebagai NEP dianggarkan **melibatkan kos sebanyak RM11 bilion**. Jumlah ini adalah kira-kira **RM700 juta lebih rendah berbanding jumlah kos pembida terhampir selepas Ericsson**. Walau bagaimanapun, **harga perbandingan kesemua pembida tidak boleh dinyatakan secara terus atas obligasi kerahsiaan yang telah ditetapkan dalam tender yang telah dijalankan**.

Daripada RM11 bilion kos rangkaian 5G, sebanyak **RM4 bilion melibatkan kos perkakasan rangkaian, perkhidmatan pelaksanaan, serta penyelenggaraan berterusan dan pengurusan rangkaian oleh Ericsson yang merupakan kos terendah dalam kalangan pembida**. Sementara itu, baki sebanyak kira-kira **RM7 bilion pula adalah berkaitan dengan kos infrastruktur rangkaian daripada pihak-pihak yang lain seperti kos menara telekomunikasi, gentian**

**telekomunikasi, kuasa elektrik serta lain-lain kos bagi tempoh sepanjang 10 tahun.**

Tuan Yang di-Pertua,

YB Kepong telah merujuk kepada Laporan Pasukan Petugas Khas 5G Kebangsaan. Namun laporan tersebut telah menganggarkan kos tambahan (*incremental*) naiktaraf bagi satu rangkaian adalah kira-kira RM7.5 bilion. **Kos tersebut hanya untuk sebuah rangkaian liputan dan tidak mengambil kira apa-apa pelaburan dalam kapasiti yang diperlukan.** Laporan Pasukan Petugas tersebut turut menyatakan bahawa **kos yang dinyatakan merupakan anggaran indikatif dan bukan anggaran yang pasti tertakluk kepada beberapa andaian subjektif seperti rundingan dengan vendor.** Berdasarkan anggaran yang dinyatakan juga, pelaksanaan rangkaian 5G secara kolektif oleh kesemua operator rangkaian mudah alih sedia ada berkemungkinan melibatkan kos melebihi RM30 bilion bagi negara secara keseluruhannya, berbanding hanya RM11 bilion bagi DNB. Malah, **jumlah kos pemilikan (*total cost of ownership*) sebanyak RM11 bilion bagi 10 tahun akan datang juga jauh lebih rendah daripada anggaran awal kos rangkaian 5G yang dianggarkan sebanyak RM15 bilion.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk melaksanakan rangkaian 5G bagi fasa tahun 2021 – 2024, DNB dijangka mengalami kekurangan sebanyak RM4 bilion berikutan unjuran perbelanjaan modal yang tinggi berbanding unjuran pendapatan yang lebih rendah. DNB dijangka mencatat lebihan bagi fasa tahun 2025 – 2030 apabila unjuran pendapatan dijangka meningkat seiring dengan permintaan bagi perkhidmatan rangkaian 5G.

Pelaksanaan rangkaian 5G akan dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta termasuk bagi apa-apa kekurangan tanpa melibatkan sebarang peruntukan daripada Kerajaan. Bagi tujuan ini, **DNB mempunyai beberapa opsyen pembiayaan kemudahan kewangan yang tersedia di pasaran** seperti berikut:

- i. Skim pembayaran tertunda daripada pembekal berjumlah sehingga RM3 bilion;
- ii. kemudahan pembiayaan modal kerja daripada institusi kewangan tempatan berjumlah sehingga RM2 bilion; dan
- iii. terbitan sukuk jangka panjang daripada pasaran modal hutang berjumlah sehingga RM5 bilion.

Kemudahan-kemudahan ini merupakan keseluruhan jumlah kemudahan pembiayaan yang dirancang sebagai sumber pembiayaan DNB bagi memenuhi keperluan keseluruhan pelaksanaan perkhidmatan rangkaian 5G daripada 2021 – 2030. Walau bagaimanapun, **penggunaan kemudahan-kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada aliran tunai sebenar syarikat** yang mana bagi 2021 – 2024, DNB dijangka memerlukan pembiayaan sekitar RM4 bilion bagi menampung kekurangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam hal yang berkaitan, Kementerian Kewangan berpandangan bahawa **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bebas untuk menjalankan siasatan sekiranya mempunyai bukti** terdapat unsur salah laku dalam proses tender 5G yang dijalankan. Walau bagaimanapun, **Kementerian Kewangan tidak bersetuju sekiranya SPRM diminta menjalankan siasatan hanya berdasarkan prejudis.**

Akhir sekali, untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat juga, **pihak DNB atas dasar ketelusan turut telah mengadakan sesi taklimat awal kepada beberapa orang Ahli Parlimen mengenai pelaksanaan 5G yang telah diadakan pada 23 Julai 2021** yang lalu. Sesi tersebut telah dihadiri oleh seramai sebelas (11) orang Ahli Parlimen seperti berikut:

- i. YB Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Azumu (Tambun)
- ii. YB Tuan Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil (Lembah Pantai)
- iii. YB Tuan Haji Yamani Hafez Bin Musa (Sipitang)
- iv. YB Puan Nurul Izzah Binti Anwar (Permatang Pauh)
- v. YB Datuk Mohamad Bin Alamin (Kimanis)

- vi. YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh (Ledang)
- vii. YB Tuan Ahmad Tarmizi Bin Sulaiman (Sik)
- viii. YB Dr. Ong Kian Ming (Bangi)
- ix. YB Tuan Lukanisman Bin Awang Sauni (Sibuti)
- x. YB Puan Wong Shu Qi (Kluang)
- xi. YB Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)

Dokumen taklimat dan minit mesyuarat bagi sesi tersebut juga telah disampaikan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan serta kepada YB Tuan Syed Saddiq Bin Syed Abdul Rahman (Muar) yang tidak dapat hadir ke sesi tersebut untuk perhatian dan rujukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG**  
**[LANANG]**  
**TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan : -

- (a) jumlah terkini penerima Skim mySalam khususnya di negeri Sarawak jika dibandingkan dengan jumlah penerima di negeri Sarawak pada tahun 2019 serta jumlah tuntutan yang telah dibuat pada tahun 2019, 2020 dan 2021 (sehingga Ogos) ; dan
- (b) adakah golongan M40 masih dilindungi oleh mySalam sehingga sekarang dan nyatakan jumlah mySalam tuntutan COVID-19 setakat ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Jumlah tuntutan Skim mySalam yang telah diluluskan bagi negeri Sarawak pada tahun 2019 adalah sebanyak 780 dengan jumlah yang telah disalurkan sebanyak 1.28 juta ringgit. Pada tahun 2020 pula, jumlah tuntutan yang telah diluluskan meningkat hampir 15 kali ganda kepada 11,382 tuntutan dengan jumlah yang telah disalurkan sebanyak 10.53 juta ringgit. Sehingga Ogos 2021 pula, jumlah tuntutan yang telah diluluskan bertambah kepada 46,060 dengan jumlah yang telah disalurkan sebanyak 27.92 juta ringgit. Dengan itu, keseluruhan tuntutan Skim mySalam yang ditelah diluluskan bagi negeri Sarawak mulai tahun 2019 sehingga Ogos 2021 adalah sebanyak 58,222 dengan jumlah yang telah disalurkan sebanyak 39.73 juta ringgit.
  
2. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, peluasan program mySalam kepada kumpulan M40 telah diumumkan di dalam ucapan Belanjawan tahun 2020. Namun begitu, Kerajaan terpaksa menangguhkan peluasan kepada golongan M40 untuk memberi keutamaan kepada kumpulan B40 yang lebih terkesan akibat penularan varian baharu wabak COVID-19 pada awal tahun 2020. Dalam konteks ini, bilangan B40 yang dilindungi di bawah Skim mySalam telah ditingkatkan daripada 4,297,829 pada tahun 2019 sehingga 5,449,347 pada tahun 2021. Selain itu, melalui inisiatif di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau PRIHATIN, manfaat Skim mySalam telah dipanjangkan kepada kumpulan B40 yang telah dijangkiti COVID-19 dan mereka yang dikuarantin sebagai pesakit di bawah siasatan atau PUI. Berdasarkan rekod sehingga 22 Ogos 2021, jumlah keseluruhan tuntutan yang diluluskan berkaitan COVID-19 adalah sebanyak 193,738 tuntutan dengan jumlah yang telah dibayar sebanyak 97.67 juta ringgit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT  
[ LUBOK ANTU ]**

**TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik tahunan pengambilan guru mengikut kepelbagaian bangsa dan jelaskan bagaimana pembahagian kuota pengambilan seseorang guru bagi mengelakkan ketidakseimbangan terutama sekali daripada aspek pemilihan bangsa dan negeri kediaman selain daripada kriteria asas iaitu latar belakang pendidikan seseorang pemohon.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Urusan pengambilan guru dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) selaku Pihak Berkuasa Melantik (PBM). Pengambilan guru adalah berdasarkan kekosongan jawatan dan opsyen mata pelajaran. Berdasarkan data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dari tahun 2017 hingga Ogos 2021, seramai 31,444 guru baharu telah dilantik di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM tidak menetapkan sebarang kuota mengikut bangsa serta negeri. Setiap calon guru dinilai berdasarkan merit dan prestasi yang merangkumi kompetensi umum seperti sikap, penampilan diri, pengetahuan am dan kompetensi fungsional seperti kandungan mata pelajaran dan pedagogi. Penempatan guru baharu dibuat berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan.